

28 JUN 2001

E-DAGANG-LEMBAP

PERKEMBANGAN E-DAGANG LEMBAP - PENERUS MDC

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Pengerusi eksekutif Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata hari ini perkembangan perdagangan elektronik (e-dagang) di Malaysia adalah lembap.

"Kadar penggunaan e-dagang adalah perlahan dan kedudukan adalah kritikal di kalangan sektor perbankan, kewangan, insurans, pembuatan dan perniagaan ke perniagaan (B2B)," beliau memberitahu pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia di sini hari ini.

Penyampaian beliau adalah mengenai cabaran-cabaran dan peluang-peluang e-dagang di Malaysia.

Beliau menambah kata bahawa Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan pandangan beratnya terhadap kesediaan sektor-sektor dan industri-industri berkaitan untuk mengamalkan e-dagang.

"Jika kita tidak bersedia, kita akan ditelan," katanya.

Beliau berkata Bank Negara Malaysia sedang menggalakkan pembangunan e-dagang manakala MDC memainkan peranannya di mesyuarat persatuan bank-bank.

Terdapat segelintir bank seperti kumpulan Malayan Banking (Maybank) dan Southern Bank Bhd yang mengadakan perkhidmatan dan kemudahan e-perbankan.

Dr Othman berkata menjelang 2003 tender-tender kerajaan akan dibuat secara dalam talian (internet). Proses e-pemerolehan akan membolehkan tender-tender (tawaran kontrak) dipanggil dan dikemukakan online," tambahnya.

Dr Othman berkata bahawa menjelang 2003-2004, negara ini sebenarnya boleh melihat perubahan menakjubkan dalam e-dagang. Menurut perangkaan, katanya, e-dagang di Malaysia dan rantau Asia Pasifik akan mempunyai hasil dianggarkan sebanyak AS\$34 bilion sehingga 2001.

Tambahnya bahawa menjelang 2004-2005, AS akan mendahului dalam e-dagang, dengan Asia Pasifik di tempat kedua dan Eropah barat ketiga.

Sehingga kini, 516 buah syarikat telah diberikan taraf entiti Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kami menjangka bahawa menjelang 2003, kami akan mempunyai 500 syarikat bertaraf MSC tetapi kami telahpun melepasi angka itu pada 2001; ia adalah pencapaian yang memberangsangkan," tambahnya.

Apabila ditanya mengenai "kod taratertib dalam Undang-undang Siber", kata beliau MDC sedang memantau kod Australia.

"Kami tidak melihat Singapura atau China, kerana negara-negara itu mengamalkan tapisan langsung," tambahnya. -- BERNAMA

ER SEL OS